



Ruj. Kami : KPM.BPSM.S.500-3/12/125 Jld.4 (39)
Tarikh : 6 Januari 2021

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELANJUTAN PELAKSANAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT
SECARA ONE-OFF BAGI PEGAWAI YANG TELAH BERADA DI GRED
KENAIKAN PANGKAT PADA TARIKH KUAT KUASA PERTUKARAN
PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF.**

Dengan segala hormatnya saya di arah menarik perhatian YBhg. Datuk/
Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum bahawa pada tahun 2018, Kerajaan telah bersetuju dengan pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara *one-off* bagi pegawai yang telah berada di gred kenaikan pangkat pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan skim perkhidmatan yang dinaik taraf. Walau bagaimanapun, pelaksanaan urusan tersebut adalah sehingga 31 Disember 2018 sahaja. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia masih menerima permohonan untuk mempertimbangkan urusan kenaikan pangkat secara *one-off* ini walaupun tempoh pelaksanaannya telah tamat.

3. Sehubungan dengan itu, mengambil kira kepentingan dan kebajikan penjawat awam yang terlibat, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan pelaksanaan urusan tersebut sehingga Mac 2021 bagi menyelesaikan baki penyandang yang belum menerima kenaikan pangkat secara one-off seperti berikut:

Bil.	Skim Perkhidmatan Asal	Skim Perkhidmatan Ditukar Lantik	Tarikh Kuat Kuasa Tukar Lantik
1.	Pemandu Kenderaan Gred R6	Pemandu Kenderaan Gred H11	1 November 2013
2.	Pembantu Am Pejabat Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11	1 November 2013
3.	Pekerja Awam Gred R4	Pembantu Awam Gred H11	1 November 2013

4. Dimohon YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan maklumat-maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 4.1 Disahkan dalam perkhidmatan;
- 4.2 Markah wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017) tidak kurang 80%;
- 4.3 Pegawai yang berada di Gred Kenaikan Pangkat Secara Hakiki sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan menerima tarikh kenaikan pangkat bermula 1 Januari 2018;
- 4.4 Pegawai yang berada di Gred Kenaikan Pangkat Khas Untuk Penyandang (KUP) / *Time-Based* Berasaskan

Kecemerlangan (TBK) sebelum tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan menerima tarikh kenaikan pangkat bermula 1 April 2018;

- 4.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) - Ketua Jabatan diminta untuk memastikan **maklumat peribadi calon lengkap diisi (Lampiran T1)**;
- 4.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 4.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 4.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 4.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

5. Peranan Ketua Jabatan

- 5.1 Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - 5.1.1 menghebah dan memaklumkan urusan kenaikan pangkat ini kepada semua calon di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 4;
 - 5.1.2 menentukan hanya calon yang memenuhi syarat dan kriteria sahaja dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM;
 - 5.1.3 menyemak maklumat perkhidmatan calon **sebelum opsyen/ tukar lantik dan selepas opsyen/ tukar lantik** adalah tepat dan betul;

- 5.1.4 memastikan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan **ada catatan nama skim perkhidmatan dan opsyen pertukaran pelantikan;**
- 5.1.5 mengemukakan senarai nama calon yang diperakukan mengikut format seperti di **Lampiran A** dan Butir-Butir Calon Untuk Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti di **Lampiran T1** dengan menggunakan **MICROSOFT ACCESS** dalam bentuk **hard copy dan soft copy.**
- 5.1.6 mengemukakan **salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan** yang telah dikemaskini, senarai nama, **Lampiran T1** dan **salinan Kad Pengenalan** calon yang disahkan **sebelum atau pada 15 Februari 2021 (Isnin)** kepada alamat berikut:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Naik Pangkat
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p. : Unit Naik Pangkat Bukan Guru)

5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan perakuan calon yang lengkap ke Bahagian ini pada tarikh yang ditetapkan. Kegagalan Ketua Jabatan untuk berbuat demikian akan menyebabkan perakuan tidak diproses dan sekali gus menjejaskan peluang calon untuk dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat ini. Perakuan yang lewat diterima atau tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Ketua Jabatan juga diminta untuk memastikan agar semua pegawai yang layak tidak tercicir untuk dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat secara *one-off* kali ini memandangkan urusan ini mempunyai tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak JPA.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bolehlah merujuk kepada pegawai-pegawai berikut:

- i) Cik Nur Syarfahanim binti Mohamad Nazri 03-88847884;
- ii) Puan Noraidah binti Baharuddin 03-88847966.

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berikan dalam melancarkan urusan ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(FARA IZUWIN BINTI IBRAHIM)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia
Tel: 03-88847896

- s.k. (i) SUB(SM)
(ii) TSUB K(SM) O
(iii) TSUB (SM) P

CONTOH

SENARAI CALON BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA ONE-OFF BAGI JAWATAN PAPI/PEMANDU/ PRA TAHUN 2018 DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

CALON: 1

BIL.	NAMA NO. KP BARU ALAMAT TEMPAT BERTUGAS	TARIKH LAHIR UMUR	TARIKH OPSYEN PO GRED N11 TARIKH DISAHKAN DALAN PERKHIDMATAN GRED N11	MARKAH PRESTASI			TARIKH KENAIKAN PANGKAT GRED N4 HAKIKI	TARIKH KENAIKAN PANGKAT GRED N4 (KUP)	TARIKH LULUS ISYTIHAR HARTA TATATERTIB * BEBAS PEMINJAM TEGAR **	TPB/ CTG/ CSG/BPS/ BP/ PJD/ PJ***	PERAKUAN KETUA JABATAN (SOKONG/ TIDAK SOKONG)
				2015 (20%)	2016 (35%)	2017 (45%)					
1.	xxxxx xx xxxx xxxxxx-xx-xxxx SMK xxxx xxxxxxxxx 78000 Alor Gajah Melaka	08.03.1972 49	01/11/2013 02/11/2013	86.69 (17.34)	87.95 (30.78)	85.08 (38.29)	86.41	17/06/2010	10/08/2016 BTT BPT	CTG: 12 Hari (01/10/2015- 12/10/2015) 03.01.2028	DISOKONG

Catatan:

- * Catatkan BTT (Bebas Tatatertib) bagi pegawai-pegawai yang bebas dari tuduhan/ hukuman tatatertib
- ** Catatkan BPT (Bebas daripada senarat peminjam tegar daripada Institusi Pinjaman Pendidikan)
- *** Sila nyatakan tarikh dan tempoh perubahan berenda (TPB)
- Sila nyatakan tarikh dan tempoh diluluskan Cuti Tanpa Gaji (CTG)
- Sila nyatakan tarikh dan tempoh diluluskan Cuti Separuh Gaji (CSG)
- Sila nyatakan tarikh dan tempoh memohon bersara pilihan sendiri (BPS)
- Sila nyatakan tarikh bersara paksa (BP)
- Sila nyatakan tarikh memohon pelepasan jawatan dengan izin (PJD)/ perletakan jawatan (PJ)

PEGAWAI/PENYEDIA

PEGAWAI/PENYEMAK

PEGAWAI/PENYEMAK

ADALAH DISAHKAN BAHAWA BUTIR YANG TERCATAT DI ATAS ADALAH TEPAT DAN BETUL MENGIKUT BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN JABATAN INI: ADALAH DISAHKAN BAHAWA BUTIR YANG TERCATAT DI ATAS ADALAH TEPAT DAN BETUL MENGIKUT BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN JABATAN INI:

TANDATANGAN: _____

NAMA/ JAWATAN: _____

TARIKH: _____

TANDATANGAN: _____

NAMA/ JAWATAN: _____

TARIKH: _____

TANDATANGAN: _____

NAMA/ JAWATAN: _____

TARIKH: _____

**BUTIR-BUTIR CALON UNTUK TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA (SPRM) TAHUN 2021 (MANDATORI)**

PERINGATAN

Semua ruangan hendaklah dipenuhi. Jika tidak berkenaan tulis '**TIDAK BERKENAAN**' jika tiada, tulis '**TIADA**'.

- A.
1. GELARAN : _____
 2. NAMA : _____
 3. NO. KAD PENGENALAN
 - 2.1 (BARU) _____
 - 2.2 (LAMA) _____
 4. NO. PASSPORT/NO. POLIS/ NO. TENTERA :
(JIKA ADA, SILA **NYATAKAN**) _____
 5. TARIKH LAHIR : _____
 6. TEMPAT LAHIR : _____
 7. BANGSA : _____
 8. AGAMA : _____
 9. JANTINA : _____
 10. WARGANEGARA : _____
 11. GRED JAWATAN TERKINI : _____
 12. GELARAN JAWATAN TERKINI : _____
 13. SKIM PERKHIDMATAN : _____
 14. GAJI HAKIKI SEBULAN : _____
 15. TEMPAT BERTUGAS : _____ TEL : _____
 16. ALAMAT TEMPAT BERTUGAS : _____

17. ALAMAT RUMAH : _____ TEL : _____

18. EMEL RASMI PEGAWAI : _____

BUTIR – BUTIR PASANGAN CALON (Jika Berkaitan)

B. 1. NAMA ISTERI / SUAMI :

2. NO. KAD PENGENALAN ISTERI / SUAMI :

2.1 (BARU) : _____ 2.2 (LAMA) : _____

3. NO. PASSPORT/NO. POLIS/ NO. _____ :
TENTERA PASANGAN (JIKA ADA, SILA
NYATAKAN) _____

4. JAWATAN / PEKERJAAN ISTERI / SUAMI :

5. ALAMAT PEJABAT ISTERI / SUAMI :

**DENGAN INI, SAYA SEPERTI NAMA DI ATAS MENGESAHKAN MAKLUMAT – MAKLUMAT
DI ATAS ADALAH BENAR DAN SAHIH.**

(TARIKH)

(TANDATANGAN PEMOHON)